



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 87/2024

SAMBUTAN HARI KESUKARELAWANAN BELIA MALAYSIA 2024

1. **YB Adam Adli, Timbalan Menteri Belia dan Sukan** telah menyempurnakan **Majlis Perasmian Sambutan Hari Kesukarelawan Belia Malaysia 2024 (HKBM 2024) Peringkat Kebangsaan** pada hari ini bertempat di **Paya Indah Wetlands, Dengkil, Selangor Darul Ehsan**.
2. Sambutan HKBM 2024 dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bertujuan untuk menyemarakkan Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 5 Disember setiap tahun.
3. Sambutan HKBM 2024 kali ini menyasarkan penglibatan generasi muda berumur 13 hingga 30 tahun dengan tujuan untuk:
 - 3.1 mewujudkan kesedaran, menggalak dan melahirkan sukarelawan daripada setiap lapisan masyarakat terutamanya generasi muda;
 - 3.2 menggalakkan dan mengiktiraf penglibatan semua lapisan masyarakat dalam menceburi dunia kesukarelawan dan kemanusiaan tanpa mengira perbezaan latar belakang;
 - 3.3 mengumpul data sukarelawan dan menambah baik pelaksanaan misi kesukarelawan dan kemanusiaan; dan
 - 3.4 menghargai jasa dan sumbangan yang diberikan oleh sukarelawan belia kepada masyarakat dan negara.
4. Sambutan HKBM 2024 turut dilaksanakan secara serentak di 15 lokasi di seluruh negara pada hari ini seperti di **Lampiran A**. Pengisian aktiviti yang diadakan sempena Sambutan HKBM 2024 Peringkat Kebangsaan termasuk :

- Himpunan Sukarelawan
 - Mengecat tembok dan lukisan mural
 - Membersihkan kandang haiwan
 - Gotong-royong kawasan persekitaran
 - Memberi makanan kepada haiwan
 - Aktiviti penanaman pokok
 - Program menyantuni anak-anak yatim dan Orang Asli
 - Karnival Sukan Rakyat
 - Kempen Selamatkan Harimau Malaya
 - Reruai Jabatan/ Agensi/ NGO
5. Puan Liong Ve Lyn, Pengurus Besar Kanan (Riadah & Hospitaliti) Gamuda Land melahirkan rasa penghargaan atas sokongan positif daripada Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS) sempena Sambutan Hari Kesukarelawan Belia Malaysia 2024.
6. Sebagai tuan rumah acara tahun ini bersama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), beliau menekankan keyakinan terhadap Paya Indah Discovery Wetlands (PIDW) di Gamuda Cove sebagai hab ekopelancongan yang sesuai untuk menggalakkan semangat kesukarelawanan dan kemanusiaan dalam kalangan generasi muda, sejajar dengan misi KBS.
7. PIDW turut menyediakan kemudahan untuk pelbagai aktiviti seperti perkhemahan, menunggang kuda, berbasikal, dan Boat Cruise, menjadikannya lokasi ideal untuk memupuk gaya hidup sihat serta semangat kemasyarakatan sambil beriadah.
8. Di musim banjir ini, KBS serta rakan-rakan strategik telah turut turun menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir melalui **Misi Penghantaran Bantuan Banjir Skwad Ihsan Madani SATRIA KBS**. Ini merupakan usaha berterusan KBS dalam memupuk semangat kesukarelawanan di kalangan belia melalui Rakan Prihatin, Rakan Muda.
9. Turut hadir Puan Azura Abidin, Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara, YBhg. Dato' Fakhru Hata Bin Musa, Timbalan Ketua Pengarah (Konservasi), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia dan Encik Amarhan A/L Leuchamanan, Ketua Operasi Riadah & Hospitaliti, Gamuda Land.
10. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung HKBM 2024 boleh hubungi **JBSN** di talian **03-8871 3220** atau e-mel **jbsn@kbs.gov.my**.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
7 DISEMBER 2024**

**SENARAI LOKASI SAMBUTAN HARI KESUKARELAWANAN BELIA MALAYSIA 2024
PERINGKAT NEGERI**

Bil	Negeri	Lokasi	Aktiviti	Jumlah Peserta
1.	Selangor	<i>Bersekali dengan Sambutan HKBM 2024 Peringkat Kebangsaan</i>		100 orang
2.	Perlis	PPR Sena, Perlis	<ul style="list-style-type: none"> i. Senamrobik ii. Sukaneka iii. Memasak dodol cair iv. Mengecat surau 	100 orang
3.	Kedah	Masjid Al Islah, Nawa Mukim Lesong Pokok Sena, Kedah	<ul style="list-style-type: none"> i. Gotong-royong ii. Pameran iii. Tukar minyak hitam iv. Sukaneka v. Gotong-royong memasak 	100 orang
4.	Pulau Pinang	Lingkar Luar Butterworth, Perai	<ul style="list-style-type: none"> i. Majlis Perasmian ii. Sukan Rakyat iii. CSR (Pembersihan) 	100 orang
5.	Perak	Taman Rekreasi Gunung Lang, Ipoh, Perak	<ul style="list-style-type: none"> i. Gotong-royong pembersihan kawasan ii. Pembersihan Rumah Tradisional iii. Kempen Plastik Sekali Guna iv. Gotong-royong <i>packing</i> makanan v. Berjalan untuk kecergasan 	100 orang
6.	WP Kuala Lumpur	<i>Kechara Food Kitchen</i>	<ul style="list-style-type: none"> i. Penyediaan bahan masakan ii. Memasak iii. Membungkus makanan iv. Pengagihan makanan 	100 orang
7.	Negeri Sembilan	Surau Kampung Ulu Melang, Kuala Pilah	<ul style="list-style-type: none"> i. Gotong-royong bersihkan surau ii. Membaiki atap surau iii. Mengecat surau iv. Memasak dodol cair 	100 orang
8.	Melaka	FRIM STATION, Selandar, Jasin, Melaka	<ul style="list-style-type: none"> i. Penanaman pokok (200 anak pokok) ii. Taklimat Lestarian Alam – JPSM Negeri Melaka iii. Melukis Mural Logo Rakan Muda 	100 orang

Bil	Negeri	Lokasi	Aktiviti	Jumlah Peserta
9.	Johor	Zoo Johor	<ul style="list-style-type: none"> i. Kembara Zoo Johor ii. Pembersihan kandang haiwan iii. Keceriaan kandang haiwan iv. <i>Mudball</i> (Gimik VIP) 	100 orang
10.	Pahang	Kg. Janda Baik, Bentong, Pahang	<ul style="list-style-type: none"> i. Gotong-royong ii. <i>Plogging</i> iii. Penanaman pokok iv. Menyantuni anak yatim Rakan Muzik (Buskers) 	100 orang
11.	Terengganu	Kompleks Belia dan Sukan (KOMBES) Negeri Terengganu	<ul style="list-style-type: none"> i. Senamrobik ii. Kempen Kitar Semula (Lestari cycle) iii. Mengecat barang kitar semula iv. Taklimat (Cycle talk) Penanaman pokok 	100 orang
12.	Kelantan	Pantai Seri Tujuh, Tumpat, Kelantan	<ul style="list-style-type: none"> i. Senamrobik ii. Berjalan kaki 3km iii. Penanaman Pokok Rhu di kawasan pantai iv. Aktiviti pembersihan pantai v. Aktiviti mengecat semula <i>landmark</i> Pantai Seri Tujuh vi. Program menyantuni kanak-kanak vii. Pertandingan sukaneka kanak-kanak 	100 orang
13.	Sabah	Bukit Kopungit, Kota Kinabalu, Sabah	<ul style="list-style-type: none"> i. Senam Sihat ii. <i>Plogging</i> sepanjang laluan Bukit Kopungit iii. Kuiz HKBM 	100 orang
14.	Sarawak	Libiki Bamboo Resort, Bau, Kuching	<ul style="list-style-type: none"> i. Membina Pondok Rehat Rakan Muda ii. Menanam pokok bunga-bunga iii. Membuat sudut kreatif / Foto Rakan Muda iv. Gotong-royong membersihkan sungai 	100 orang

Bil	Negeri	Lokasi	Aktiviti	Jumlah Peserta
			v. Membuat papan tanda "Cintai Sungai Kita"	
15.	WP Labuan	Pantai Sungai Pagar / Sungai Miri	i. Senamrobik ii. Pembersihan pantai iii. Sukan Rakyat iv. <i>Nature Talk</i> – Bersama SRM UMSKAL	100 orang